



SIARAN AKHBAR
PINDAAN KE ATAS NOTIS NO.1/2013 PERATURAN PENGAWALAN
KADAR-KADAR PEMBIAYAAN DAN SIMPANAN

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), telah mengeluarkan pindaan ke atas Notis Peraturan Pengawalan Kadar-Kadar Pembiayaan dan Simpanan, kepada kesemua bank dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), pada Hari Jumaat, 15 Sya'ban 1438 bersamaan dengan 12 Mei 2017.
2. Pindaan tersebut membolehkan bank-bank untuk menawarkan sebahagian kadar-kadar pembiayaan secara kompetitif berdasarkan tahap risiko dalaman bank dan kedudukan kredit peminjam. Selain daripada itu, beberapa kadar simpanan tetap telah dibatalkan yang membolehkan bank-bank untuk menetapkan kadar simpanan mengikut keperluan dana (*funding needs*) masing-masing.
3. Pindaan ini juga akan menggalakkan pelanggan-pelanggan untuk membuat perbandingan bagi kadar-kadar pembiayaan dan simpanan yang ditawarkan dan seterusnya meningkatkan persaingan di kalangan bank-bank. Ini adalah selaras dengan *Pillar 2 Blueprint Sektor Kewangan Brunei Darussalam (2016-2025)*- iaitu ke arah institusi dan perkhidmatan kewangan yang lebih kompetitif dan inovatif.
4. Di samping itu, pindaan ini juga akan meningkatkan kecekapan dalam pengantaraan kewangan (*financial intermediation*) yang boleh terus menyokong pertumbuhan sektor kewangan dalam jangka masa panjang dan seterusnya meningkatkan sumbangan sektor kewangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
5. Pindaan ini, seiring dengan peningkatan ke atas infrastruktur kewangan negara dengan penubuhan Biro Kredit pada tahun 2012, dan Sistem Pendaftaran Cagaran (*Collateral Registry System*) yang mula beroperasi pada Disember 2016 telah membantu institusi-institusi kewangan dalam menilai kepercayaan kredit peminjam dengan lebih mudah. Usaha peningkatan ini akan diteruskan lagi oleh AMBD dengan pengenalan perkhidmatan *credit scoring* dan *credit rating* oleh Biro Kredit pada masa yang terdekat ini.

6. Secara ringkas, kadar-kadar pembiayaan maksima dan kadar-kadar simpanan minima yang telah dibatalkan berkuatkuasa mulai 12 Mei 2017, adalah seperti berikut: -

a) PEMBIAYAAN PENGGUNA DAN PEMBIAYAAN KORPORAT -

- i. Pembiayaan yang berdasarkan jenis jaminan yang dicagarkan seperti berikut:-

	Jenis Cagaran	EIR/APR* setahun sejak Mac 2013	Mulai 12 Mei 2017
a	Pembiayaan dicagarkan sepenuhnya dengan simpanan tetap (kecuali kad kredit)	5.00%	Dibatalkan
b	Pembiayaan dicagarkan dengan <i>hartanah</i> bagi pembiayaan bukan-hartanah (<i>non-property</i>)	5.25%	Dibatalkan
c	Pembiayaan korporat dijamin oleh pengarah-pengarah syarikat	6.00%	Dibatalkan
d	Pembiayaan yang berasaskan kemasukan gaji/pencen pelanggan (kecuali <i>overdrafts</i>)	7.50%	Dikekalkan

- ii. Pembiayaan korporat seperti berikut:-

	Sektor	EIR/APR* setahun sejak Mac 2013	Mulai 12 Mei 2017
a	Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berkaitan dengan industri minyak dan gas	5.50%	Dibatalkan
b	Semua projek infrastruktur yang dikendalikan oleh pihak Kerajaan	5.50%	Dibatalkan
c	Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	8.00%	Dibatalkan

*EIR/APR : Effective Interest Rates/Annualised Profit Rates

2) KADAR-KADAR SIMPANAN BAGI BRUNEI DOLLAR

Jenis Simpanan	Kadar Minima Setahun	Mulai 12 Mei 2017
Simpanan	0.15%	Dikekalkan
Simpanan Tetap:-		Dibatalkan

a) 1 bulan	0.20%	
b) 3 bulan	0.30%	
c) 6 bulan	0.45%	
d) 12 bulan	0.75%	

7. Di bawah Notis ini, bank-bank tidak boleh mengenakan *Effective Interest Rates (EIR) / Annualised Profit Rates (APR)* yang berlebihan dan hendaklah menggambarkan risiko premium yang berpatutan dari kos dana masing-masing. Bank-bank adalah juga dimestikan untuk menerbitkan *EIR / APR* dan kadar simpanan di laman web dan di setiap cawangan bank masing-masing pada setiap suku tahunan.
8. Dalam memastikan sektor kewangan yang berdaya saing, AMBD akan sentiasa memantau kadar-kadar di pasaran dan berhak untuk mengambil tindakan dari masa ke semasa bagi memastikan kadar-kadar yang ditawarkan kepada pengguna adalah berpatutan.
9. AMBD ingin menasihatkan orang ramai untuk bersikap *financially smart* sebelum membuat sebarang kemudahan pembiayaan ataupun deposit, dengan meneliti kadar pembiayaan dan deposit yang ditawarkan.
10. Bagi pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn; memuat turun AMBD App secara percuma melalui ‘App Store’ dan ‘Google Playstore’; atau mengikuti AMBD di Instagram @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 21 Sya'ban 1438 / 18 Mei 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3